

Penyu tempayan dilepaskan semula ke laut


BALIK PULAU - Seekor penyu tempayan atau *loggerhead* yang jarang ditemui di perairan Semenanjung Malaysia dilepaskan semula ke laut di pesisiran pantai Pasir Belanda semalam.

Penyu betina yang cengkerangnya berukuran 111 sentimeter (sm), lebar berukuran 17sm dan berat melebihi 60 kilogram itu ditemui seorang nelayan Ang Ta Lim, 46, tersangkut pada pukat yang dibuang nelayan lain berdekatan Pulau Kendi di sini pada 7 September lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar berkata, penemuan penyu spesis *loggerhead* itu sesuatu yang luar biasa kerana spesis tersebut tidak berasal dari kawasan perairan Malaysia.

"Ini merupakan kali kedua spesis itu ditemui di Malaysia. Kali pertama ia direkodkan ditemui di Sarawak. Kebiasaannya ia mendiami kawasan di perairan Lautan Hindi, Mediterranean, Atlantik dan Pasifik."

"Nelayan telah cuba melepaskan penyu tersebut



Noraisyah (duduk, kanan) memerhatikan kanak-kanak Tabika Kemas Pasir Belanda menyentuh penyu tempayan spesis *loggerhead* yang dilepaskan di pesisiran pantai Pasir Belanda di Balik Pulau semalam.

daripada pukat namun apabila dilepaskan, penyu itu didapati tidak mampu berenang dengan baik, jadi nelayan itu telah mengambil penyu tersebut dan menghubungi Jabatan Perikanan dan memaklumkan perkara tersebut," katanya kepada pemberita selepas pelepasan penyu itu di sini semalam.

Beliau berkata, orang ramai terutamanya nelayan dan pemancing diminta untuk melaporkan kepada Jabatan Perikanan sekira-

nya terjumpa penyu yang terdampar atau tersangkut di pukat untuk tujuan rekod biarpun ia mampu berenang dengan sempurna.

Sesi pelepasan itu turut disertai oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir; ADUN Bukit Tambun Goh Choon Aik serta 38 kanak-kanak Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) cawangan Surau Pasir Belanda dan orang awam. - Bernama